

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI**  
**MOHD FAKEH**  
**KAWASAN** : **SABAK BERNAM**  
**NO. SOALAN** : **288**

**SOALAN**

**Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan dalam sektor utama, perkilangan dan perkhidmatan bagi tahun 2017 dan anggaran bagi tahun 2018 serta nyatakan peluang pekerjaan yang telah dan dijangka dapat diwujudkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2017, Malaysia telah mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM197.1 bilion daripada 5,466 projek dalam sektor-sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama seperti berikut:

- sektor perkilangan (RM63.7 bilion melalui 687 projek)
- sektor perkhidmatan (RM121 bilion melalui 4,731 projek); dan
- sektor utama (RM12.4 bilion melalui 48 projek).

Daripada pelaburan ini, sejumlah 139,523 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan untuk negara, terdiri daripada 56,421 dalam sektor perkilangan, 82,172 dalam sektor perkhidmatan dan 930 dalam sektor utama.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2018 pula, adalah dianggarkan sekurang-kurangnya RM80 bilion pelaburan akan diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan serta 12 projek hub utama (*principal hub*) dijangka akan ditubuhkan. Anggaran ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor utama yang mempengaruhi prestasi pelaburan negara seperti jangkaan keadaan ekonomi global dan negara yang positif pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

SOALAN ( 289 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH  
[ SABAK BERNAM ]

SOALAN :

**YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **langkah Kementerian bagi meningkatkan kemudahan dan keceriaan bagi perumahan rakyat berkelompok seperti di rumah pangsa dan apartmen.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan 2 program utama penyelenggaraan bagi perumahan kos rendah dan sederhana rendah dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan kemudahan dan keceriaan perumahan skim perumahan berstrata termasuk rumah pangsa dan apartmen iaitu:

- a) Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi perumahan swasta berstrata kos rendah dan sederhana rendah; dan
- b) Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) bagi perumahan awam berstrata kos rendah termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Skop kerja yang terlibat bagi kedua-dua program TP1M dan PPP adalah seperti berikut:

- a) Membaiki atau mengganti lif;
- b) Membaiki atau mengganti tangki air & sistem retikulasi;
- c) Membaiki atau mengganti paip sanitari;
- d) Membaiki atau mengganti bumbung;
- e) Membaiki atau mengganti tangga & susur tangan (*handrail*);
- f) Mengecat semula bangunan dan harta bersama (setiap 10 tahun);
- g) Pendawaian semula dan kerja elektrik;
- h) Membaiki atau mengganti kemudahan awam yang melibatkan harta bersama (*common property*);
- i) Mengganti atau membina pagar di sekeliling kawasan pemajuan;
- j) Pembaikan cerun di dalam kawasan pemajuan; dan
- k) Membaiki atau mengganti kemudahan infrastruktur kemudahan awam di kawasan pemajuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sejak diperkenalkan pada tahun 2011, kedua-dua program TP1M dan PPP telah berjaya memberi impak dalam **meningkatkan kemudahan dan keceriaan kawasan perumahan berstrata** yang terlibat di mana ianya telah memberi manfaat kepada lebih

900,000 penghuni perumahan berstrata kos rendah dan sederhana di seluruh negara.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018